

21 JUL 2002

Lim-Tahan

LIM KIT SIANG DAN LIMA PEMIMPIN DAP DITAHAN POLIS EDAR RISALAH

PORT DICKSON, 21 Julai (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang hari ini sekali lagi ditahan polis di sini kerana mengedarkan risalah "No 911, No to 929, Yes to 1957" dalam kempen parti itu mendapatkan sokongan orang ramai supaya Malaysia tidak dijadikan sebuah negara Islam.

Selain Lim, 61, lima pemimpin DAP lain turut ditahan di Pasar Port Dickson itu -- Timbalan Pengerusi DAP Negeri Sembilan P. Gunasegaran, 43, Pengerusi DAP Bahagian Teluk Kemang John Fernandez, 61, K. Arumugam, 56, Wong Hon Chuan, 29 dan Hiew Kong Soo, 55.

Kesemua pemimpin DAP itu ditahan polis yang diketuai ASP Hashim Mohamad kira-kira pukul 8.45 pagi dan dibawa ke Ibu pejabat Polis Daerah Port Dickson (IPD PD) untuk memberikan keterangan.

Menurut Pemangku Ketua Polis Daerah Port Dickson DSP Abdul Karim Hassan, keenam-enam pemimpin DAP itu ditahan mengikut Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan.

Kesemua mereka bagaimanapun dibebaskan tanpa syarat pada kira-kira pukul 11.30 pagi setelah memberi keterangan.

Polis turut merampas 143 risalah berkenaan daripada mereka.

Abdul Karim berkata siasatan lanjut akan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya mengenai perkara itu.

Pada 5 Jun lepas, Lim ditahan kerana mengedarkan risalah yang didakwa berunsur hasutan itu di Pasar Pasir Pinji, Ipoh.

Beliau dibebaskan kemudian dengan ikat jamin RM3,000. Pada 5 Julai lepas, Lim dibebaskan sementara menunggu keputusan Jabatan Peguam Negara, selepas beliau melaporkan diri di Ibu pejabat Polis Daerah Ipoh kerana tempoh jaminan sebulannya tamat. Risalah "No to 929" merujuk kepada tarikh 29 Sept, 2001 apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman bahawa Malaysia adalah negara Islam dan Lim serta DAP dalam kempennya mahu membangkitkan kesedaran umum mengenai implikasi kenyataan Dr Mahathir itu.

-- BERNAMA

APG MFJ RON